

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1: Sejarah Penulisan dan Perkembangan Kitab Jawi

Sebelum mengkaji dengan lebih lanjut tentang Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi, pengetahuan berkenaan dengan sejarah kelahiran kerajaan Melayu-Islam di Nusantara dan sumbangannya dalam menggalakkan penulisan Kitab Jawi adalah penting bagi memudahkan pengkajian seterusnya. Akan tetapi dalam bahagian ini penulis akan meninjau perkara tersebut secara sepantas lalu sahaja, kerana penulis akan memfokuskan perbincangan kepada aspek-aspek keilmuan yang terkandung dalam Kitab Jawi beserta dengan pengarang-pengarangnya.



Pada abad ke-9 Masihi muncul kerajaan Islam yang pertama di Perlak. Kerajan ini ditubuhkan pada tahun 840 Masihi, dan rajanya yang pertama ialah Sultan Sayid Maulana 'Abd al-'Aziz Syah (840-864 M).¹ Kemudian diikuti pula oleh penubuhan

¹ Lihat A. Hasjmy, "Adakah Kerajaan Islam Perlak Negeri Islam Pertama di Asia Tenggara?", dlm. A. Hasjmy (ed.), **Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia**, P.T. al-Ma'arif, Bandung, 1981, hlm. 146-148.

kerajaan Samudera-Pasai pada tahun 1042 Masihi dengan raja pertamanya Meurah Giri yang bergelar Maharaja Mahmud Syah. Hasil daripada kegiatan para mubaligh dari Pasai, maka terbentuk pula kerajaan Patani di selatan Thai pada abad ke-13 dan ke-14 Masihi.²

Sementara itu, pada tahun 1400 Masihi muncul pula kerajaan Melaka dengan raja pertamanya Parameswara, kemudian pada tahun 1414 Masihi, Melaka telah menjadi kerajaan Islam apabila rajanya yang kedua memeluk agama Islam. Kerajaan Aceh pula meskipun telah ditubuhkan sejak tahun 1205 Masihi oleh Meurah Johan,³ namun kegemilangannya tercapai selepas kejatuhan kerajaan Melaka pada tahun 1511 Masihi. Manakala di Jawa kerajaan Giri dan Demak muncul pada tahun 1470-an ketika kerajaan Majapahit sedang di ambang keruntuhan.⁴

² Untuk keterangan lanjut, lihat A. Bangnara, **Patani Dahulu dan Sekarang**, Penyelidikan Angkatan al-Fatani, Bangkok, 1977; Ibrahim Shukri, **Sejarah Kerajaan Melayu Petani**, Majlis Agama Islam, Kelantan, 1961.

³ Tentang biografi Meurah Johan, lihat A. Hasjmy, **Meurah Johan Sultan Aceh Pertama**, Bulan Bintang, Jakarta, 1976.

⁴ Lihat Solichin Salam, **Sejarah Islam di Jawa**, Jayamurni, Jakarta, 1964; **Sekitar Wali Sanga**, Menara Kudus, Yogyakarta, 1974.

Demikian juga kerajaan Johor-Riau muncul selepas kemunduran kerajaan Acheh.

Walau bagaimanapun, tidak ada karya-karya utama dalam bahasa Melayu-Islam mengenai Islam yang dapat dibuktikan hasil daripada zaman awal ini atau hasil sumbangan daripada kerajaan Islam yang awal ini.

Lantaran itu, para sarjana tidak bersepakat dalam menetapkan tarikh sebenar bermulanya penulisan manuskrip-manuskrip Melayu Jawi di Nusantara. Namun setelah kerajaan Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi, Acheh telah muncul sebagai kerajaan yang menjadi pelindung kepada para sarjana dan pedagang. Dalam hubungan ini, Acheh sebagai suatu kuasa Melayu-Islam di rantau ini telah menghasilkan banyak karya Melayu-Islam dalam bidang pemikiran Islam, meskipun dalam bentuk terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu di samping risalah-risalah yang berkaitan dengan agama.⁵

⁵ Lihat Mahayudin Haji Yahaya, **Islam di Alam Melayu**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cet. I, 1998, hlm. 62-63.

Pada peringkat awal zaman ini, karya-karya Melayu-Islam berkaitan dengan pemikiran dihasilkan oleh penulis-penulis dari Sumatera, tetapi kemudiannya muncul penulis-penulis lain seperti dari Kepulauan Riau-Lingga, Kalimantan Barat. Malah orang Melayu-Islam Patani juga turut menyumbangkan tulisan mereka. Kebanyakan dari karya-karya ini telah disiapkan semasa mereka berada di Mekah terutama karya-karya yang ditulis oleh pengarang dari Kalimantan Barat dan Patani.⁶

Dengan kemunculan Kesultanan Aceh (1511-1650 Masihi) selepas Kesultanan Melaka (1400-1511 Masihi) dan kemudian Kesultanan Johor-Riau (1650-1850 Masihi), maka telah didapati karya-karya dalam bidang perundangan Islam yang berdasarkan Mazhab Syāfiī telah ditulis dalam bentuk Kitab Jawi, misalnya kitab **al-Širāt al-Mustaqīm** telah dihasilkan oleh Syaikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (w. 1658 Masihi).

Menurut satu sumber, dikatakan pada abad ke-17 Masihi ketika Kedah diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah, raja Aceh

⁶ Ini dapat diketahui melalui keterangan yang mereka nyatakan pada kitab yang ditulis, misalnya mereka menyatakan bahawa ia telah disiapkan di Mekah.

telah mengirimkan dua buah kitab karya al-Rānīrī, iaitu kitab **al-Sirāt al-Mustaqīm** dan **Bāb al-Nikāh** ke Kedah⁷ atau sehingga akhir abad ke-17 Masihi ia masih digunakan dan dipelajari di Aceh.⁸

Justeru itu, dengan kelahiran beberapa buah Kerajaan Melayu-Islam di rantau Asia Tenggara pada dekad-dekad lampau tersebut, maka sejumlah besar karya Melayu-Islam dalam pelbagai bidang keilmuan Islam seperti akidah, fekah dan tasawuf telah dihasilkan oleh para ulama di Nusantara.

Karya-karya yang dihasilkan oleh para ulama silam dalam pelbagai bidang tersebut yang berbentuk Kitab Jawi yang tersimpan sebagai naskhah-naskhah atau manuskrip-manuskrip Melayu-Islam di perpustakaan-perpustakaan dan muzium-muzium di serata dunia sama ada yang berbentuk koleksi-koleksi kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi ataupun koleksi-

⁷ Zulkifli Mohd. Salleh (ed.), **Hikayat Merong Mahawangsa**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 149; R.O. Winstedt, "A History of Kedah", dlm. **JMBRAS**, XIV, Pt. 3 (1936), hlm. 157.

⁸ C. Snouck Hurgronje, **The Achenese**, II, (terj.) A.S.W. O'Sullivan, E.J. Brill, Leiden, 1906, hlm. 5.

koleksi perseorangan merupakan khazanah pengetahuan Islam yang sangat berharga.⁹

Sehubungan itu, penerokaan dan pengkajian terhadap karya-karya atau manuskrip-manuskrip yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh ulama silam ini adalah sangat penting terutamanya untuk mengetahui sejauh mana kewibawaan dan kesarjanaan para ulama itu dalam mengisi khazanah Islam di Nusantara.

Namun demikian, kajian ini hanya memfokuskan kepada Kitab Jawi yang berkaitan dengan ilmu tauhid yang telah diterbitkan di pasaran serta banyak digunakan dalam pengajaran seharian sejak zaman awal Islam di Nusantara sehingga kini. Lantaran itu, manuskrip-manuskrip yang belum diterbitkan tidak

⁹ Untuk mengetahui senarai manuskrip-manuskrip Islam di Nusantara dalam pelbagai bidang keilmuan serta spesifikasinya, lihat Engku Ibrahim Ismail dan Osman Bakar, **Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia**, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1992. Selanjutnya bagi maklumat-maklumat tambahan berkenaan dengan penkatalogan manuskrip Melayu di Eropah serta keterangan yang berkaitan dengannya, lihat Mahayudin Haji Yahaya, **op. cit.**, hlm. 83-93. Menurut M.Van Bruinessen terdapat lebih kurang 500 karya yang dihasilkan oleh para ulama silam (tradisional) terdapat di pasaran, yang mana 100 kitab ditulis dalam bahasa Arab. Lebih kurang 200 kitab dalam bahasa Melayu/Jawi dan 150 kitab ditulis dalam bahasa Jawa, manakala selebihnya ditulis dalam bahasa Sunda, Madura dan Aceh. Lihat M.Van Bruinessen, **Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia**, Mizan, Bandung, Cet. ke-II, 1995, hlm. 20.

termasuk dalam kajian ini. Begitu juga dengan hikayat (cerita) tidak termasuk dalam bidang kajian ini kerana cerita-ceritanya banyak mengandungi tokok tambah dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenarnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa pengkajian terhadap sejarah penulisan Kitab Jawi dan perkembangannya adalah sangat penting. Antara lain ia bertujuan untuk mengetahui sumbangansumbangan ulama Melayu di Nusantara melalui karya-karya yang dihasilkan oleh mereka.

Perlu diketengahkan bahawa tulisan Jawi yang digunakan oleh para ulama di Nusantara dalam penulisan Kitab Jawi adalah berasal daripada huruf-huruf Arab. Dalam perkembangan selanjutnya, tulisan ini mencampurkan huruf-huruf Arab yang terdiri daripada 29 huruf dengan lima huruf bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu sendiri.

Hakikat ini diakui oleh S.M. Naquib al-Attas, menurut beliau lima huruf bukan Arab yang terdapat dalam huruf Jawi ialah ca (ﺭ), nga (ﻦ), pa (ﺽ), ga (ﺮ), dan nya (ﻦ). Tambah beliau lagi, huruf-huruf baru itu dicipta untuk melambangkan bunyi-

bunyi yang lazim pada lidah orang Melayu. Huruf-huruf baru itu juga ditiru daripada huruf Arab, misalnya huruf ca (כ) diambil daripada huruf jim (ج), huruf nga (ڻ) daripada huruf 'ain (ع), huruf pa (ڦ) daripada huruf fa (ڦ) dan ga (ڱ) diambil daripada huruf kaf (ڪ).¹⁰

Manakala menurut Omar Awang pula huruf ca (כ) dan ga (ڱ) diambil daripada huruf Parsi kerana bahasa itu berkembang dengan luas di Asia Tengah dan India. Pengaruhnya juga telah sampai ke Alam Melayu dibawa oleh penulis Islam seperti Hamzah Fansuri yang dikatakan telah menguasai bahasa tersebut, malah membuat petikan-petikan bahasa Parsi dalam tulisannya.¹¹

Sungguhpun demikian, menurut Hamka huruf Jawi atau huruf Melayu telah mula dikurangkan pemakaianya dan digantikan dengan pemakaian huruf Rumi (istilah Malaysia) atau huruf Latin (istilah Indonesia) dengan secara meluas selepas

¹⁰ S.M. Naquib al-Attas, **Preliminary Statement On A General Theory of the Malay-Indonesian Archipelago**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 27-28. Selanjutnya lihat Omar Amin Husin, **Sejarah Bahasa dan Bangsa Melayu**, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1962, hlm. 183.

¹¹ Omar Awang, "Kesan Pengaruh Agama Islam dan Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu", Kertas kerja **Seminar Pengajian Melayu 25 Tahun**, Anjuran Universiti Malaya, 1978, hlm. 3.

diadakan Kongres Bahasa di Singapura dan Johor pada tahun 1956. Manakala penukaran pemakaian huruf Jawi kepada huruf Rumi telah dilakukan lebih awal lagi di Indonesia iaitu pada tahun 1931.¹²

Berbalik kepada sejarah penulisan Kitab Jawi, sebenarnya pengarang-pengarang Kitab Jawi berasal dari segenap pelusuk Kepulauan Melayu. Misalnya pada abad ke-18 Masihi hingga awal abad ke-19 Masihi, antara pengarang yang penting ialah Syihāb al-Dīn b. 'Abd Allāh Muḥammad, Kemas Fakhr al-Dīn, 'Abd Al-Şamad al-Falembānī, Kemas Muḥammad b. Aḥmad dan Muḥammad Muḥyī al-Dīn b. Syihāb al-Dīn yang berasal dari Palembang di Sumatera Selatan.¹³

Selanjutnya ialah Muḥammad Arsyād al-Banjārī dari Kalimantan Selatan; 'Abd al-Wahāb al-Bugisī dari Sulawesi; 'Abd al-Rahmān al-Maṣri al-Batāwī dari Batavia, Zayn al-Ābidīn b.

¹² Lihat **Islam dan Kebudayaan Melayu**, (kumpulan kertas-kertas kerja Seminar Kebudayaan pada 25-28 Julai 1976 di UKM), hlm. 169.

¹³ Azyumardi Azra, **Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaruan Pemikiran Islam di Indonesia**, Mizan, Bandung, Cet. I, 1994, film. 243.

Muhammad al-Faṭānī dan Dāwud b. ‘Abd Allāh al-Faṭānī dari Wilayah Patani di Thailand Selatan.¹⁴

Ringkasnya, tempat asal mereka boleh diketahui berdasarkan nama gelaran yang terdapat di hujung nama mereka. Misalnya al-Faṭānī dari Patani, al-Falembānī dari Palembang dan al-Funtiyānī dari Pontianak. Namun demikian, terdapat juga pengarang Kitab Jawi yang tidak dapat dikenal pasti kerana mereka tidak meletakkan nama pada karya yang dihasilkan atau hanya meletakkan nama tempat asal mereka sahaja. Sebahagian daripada pengarang Kitab Jawi mengarang menggunakan bahasa Arab seperti Ahmad al-Faṭānī dan Nawāwī al-Bentānī.¹⁵

Dalam hal penulisan, pelbagai aspek pengetahuan Islam terdapat dalam kitab Jawi seperti aspek Tauhid (*Uṣūl al-Dīn*), Fekah (Perundangan Islam), Hadis dan Tasawuf (Akhlak). Selain itu, terdapat juga Tafsir al-Qur'an dalam Kitab Jawi walaupun

¹⁴ **Ibid.**

¹⁵ Wan Muhammad Shaghir b. Abdullah, **Dian**, Kota Bahru, no. 49 (1972), hlm. 48.

jumlahnya sangat sedikit kerana al-Qur'an hanya ditafsirkan apabila ia berkaitan dengan sesuatu pokok perbincangan.¹⁶

1.1.1 : Aspek Tauhid (*Usūl al-Dīn*)

Menurut kajian yang dijalankan oleh M. Van Bruinessen, jumlah karya dalam bidang tauhid sangat sedikit berbanding dengan karya dalam bidang fekah. Begitu juga dalam kurikulum pengajaran di pondok atau pesantren kerana generasi umat Islam terdahulu khususnya di Nusantara lebih menunjukkan minat kepada kosmologi, eskatologi dan metafizik. Sebagai buktinya menurut beliau dapat dilihat melalui karya-karya yang dihasilkan oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, 'Abd al-Ra'ūf al-Singkil dan 'Abd Ṣamad al-Falembānī. Lantaran itu, beliau menambah bahawa karya-karya tentang ilmu tauhid kebanyakannya hanyalah pemaparan terhadap pendapat-pendapat al-Asy'arī tentang sifat-sifat Allah

¹⁶ G.W.J. Drewes mengemukakan tiga buah tafsir yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu/Jawi tetapi belum diterbitkan. Lihat Drewes, **Directions for Travellers On the Mystic Path**, The Hague, 1977, hlm. 217.

dan para Nabi¹⁷ atau yang berkaitan dengan ajaran ‘Sifat Dua Puluh’.

Salah satu daripada Kitab Jawi yang awal diterbitkan yang menyentuh aspek-aspek tauhid ialah kitab **Bad' Khalq al-Samawat Wa al-'Ard** oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī yang berasal dari Rander, India pada bulan Rajab 1047 H/1639 M.¹⁸ Penulisan kitab ini dilakukan atas permintaan Sultan Iskandar Thani 'Alauddin Mughayat Syah yang memerintah Aceh di antara tahun 1636 Masihi hingga 1641 Masihi.¹⁹

Kitab ini mengandungi kisah-kisah mengenai kejadian manusia, malaikat, jin dan semua benda di alam ini berdasarkan al-Qur'an, hadis dan cerita-cerita yang bersumber daripada Ka'ab al-Aḥbār dan Wahāb b. Munabbih. Justeru itu, terdapat beberapa perkara yang sukar diterima oleh akal di samping terdapat juga

¹⁷ M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 155. Lihat juga jadual III tentang kitab-kitab tauhid yang banyak dipelajari di pondok atau pesantren.

¹⁸ Nūr al-Dīn al-Rānīrī, **Bad' Khalq al-Samawat Wa al-Ard**, tanpa penerbit, Mekah, 1328-1910. Terdapat juga di tepi kitab **Tāj al-Mulk**, tanpa penerbit, Pulau Pinang, t.t.

¹⁹ Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah, **Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara**, II, Khazanah Fathaniyah, 1991, hlm. 110.

beberapa perkara yang berkaitan dengan pengetahuan sains moden.²⁰

'Abd al-Şamad al-Falembānī pula telah mengarang kitab yang bertajuk **Zuhrah al-Murid fi Bayān Kalimah Al-Tawhid**, yang antara lain membahas tentang ilmu mantik dan ilmu tauhid pada tahun 1178H/1764M. Kitab ini ditulis atas permintaan sahabatnya dan berpandukan kuliah-kuliah tentang tauhid yang disampaikan oleh Aḥmad b. 'Abd Muṇ'im al-Damanhūrī di Masjid Al-Haram.²¹

Pengarang Kitab Jawi yang paling produktif pada abad ke-19 Masihi ialah Dāwud b. 'Abd Allāh al-Fatānī. Beliau telah mengarang lebih daripada 20 buah kitab yang hampir kesemua kitab yang dikarang adalah ketika beliau berada di Mekah. Dalam

²⁰ **Ibid.**, hlm.111-112.

²¹ Untuk bibliografi beliau, lihat P.Voorhoeve, "Abd Al-Samad b. 'Abd Allah Al-Palimbani", dlm. **EI**², 1, Leiden, 1993, hlm. 92; M. Chatib Quzwain, **Mengenal Allah: Suatu Kajian Mengenai Ajaran Tasyaaf Syeikh Abdul Samad Al-Palimbani**, Thinker's Library, Selangor, 1996, hlm. 8-9.

bidang tauhid beliau telah mengarang kitab yang bertajuk **al-Durr al-Thamīn** pada tahun 1232H/1816 M.²²

Sementara itu, kitab **Matla' al-Badrayn** pula merupakan salah satu kitab yang menyentuh aspek tauhid dan fekah yang sangat popular yang dikarang oleh Muḥammad b. Isma'il Dāwud al-Faṭāñī pada tahun 1303H/1885 M. Kitab ini telah digunakan sebagai buku teks di setengah-setengah sekolah agama di Malaysia.²³

Manakala kitab yang ringkas tentang tauhid iaitu **Kitab Sifat Dua Puluh** telah ditulis oleh 'Uthmān b. Abdullah b. Yaḥyā al-Batāwī pada tahun 1304 H/1886 M. Kitab yang lain ialah kitab **Kasyf al-Ghaybiyyah** yang mengandungi kisah tentang penciptaan manusia, malaikat, jin dan kehidupan setelah mati telah dikarang oleh Zayn al-Ābidīn b. Muḥammad al-Faṭāñī pada tahun 1301 H/1883 M.²⁴ Beliau juga turut mengarang kitab

²² Mohd. Nor Ngah, **Kitab Jawi: Islamic Thought of the Malay Muslim Scholars**, ISEAS, Singapura, 1983, hlm 6.

²³ **Ibid.**

²⁴ **Ibid.**, hlm 7.

‘**Aqīdah al-Nājīn** pada 1308 H/1890 M yang merupakan sebuah karya terjemahan daripada bahasa Arab.²⁵

Syaikh ‘Alī b. ‘Abd al-Rahmān al-Kelantānī atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Wan ‘Ali Kutan telah mengarang kitab **Zahrah al-Murid fi ‘Aqā’id al-Tawhīd**, yang siap dikarang pada tahun 1310 H. Melalui kitab ini beliau telah menjelaskan berkenaan dengan tauhid, sifat-sifat Allah (S.W.T.) serta Rasulullah (ṣ. ‘a.w.) dan lain-lain. Kitab ini juga disulami dengan cerita-cerita yang menarik dan berdasarkan sejarah.²⁶

Demikian juga terdapat kitab **Minhāj al-Salām** ditulis oleh Muḥammad Zayn al-Dīn b. Muḥammad al-Badāwī al-Sambāwī yang juga terkenal dengan kitabnya yang bertajuk **Sirāj al-Hudā** yang ditulis sekitar tahun 1885-1886 Masihi yang antara lain membincarakan mengenai ajaran ‘Sifat Dua Puluh’ dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

²⁵ **Ibid.**, hlm. 2.

²⁶ Lihat Ismail Awang, “Tok Wan Ali Kutan (1837-1913)”, dlm. Ismail Che Daud (ed.), **Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)**, Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1998, hlm. 77-78.

1.1.2: Aspek Fekah (Perundangan Islam)

Pendidikan ilmu fekah telah menjadi asas yang kuat kepada pendidikan pondok atau pesantren di Nusantara. Lantaran itu, aspek fekah telah diberi penekanan yang kuat oleh para ulama di Nusantara. Karya-karya berkenaan dengan fekah juga banyak dikarang sama ada dalam bahasa Arab atau dalam bahasa Melayu/Jawi. Di antara kitab-kitab fekah dalam bahasa Arab yang paling masyhur atau banyak digunakan dalam sistem pendidikan pondok atau pesantren di Nusantara ialah kitab **Minhāj al-Talibīn** karangan Abū Zakariyyā Yahyā bin Syarāf al-Nawāwī. (W. 676 H) dan syarah (komentar) atas kitab ini yang dilakukan oleh Ibn Ḥajr al-Haytami (W. 973 H) iaitu kitab **Tuhfah al-Muhtāj**.²⁷

Selanjutnya ialah kitab **Taqrib (al-Ghayah wa al-Taqrīb)** atau terkenal dengan nama **Mukhtasar** karangan Abū Syuja' al-

²⁷ **Tuhfah al-Muhtāj** karya Ibn Ḥajr dan **Nihayah al-Muhtāj** karya Syam al-Dīn al-Ramli adalah karya fekah yang paling berautoriti menurut para ulama di Nusantara. Jika terdapat perbezaan pendapat di antara kedua-dua karya ini, biasanya mereka akan memilih pendapat Ibn Ḥajr sebagai rujukan. Lihat M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 119.

Isfahānī (W.593 H) dan syarah (komentar) yang dilakukan oleh Ibn Qāsim al-Ghazzī (W. 918 H) iaitu kitab **Faṭḥ al-Qarīb**.²⁸

Dalam bahasa Jawi/Melayu pula Nūr al-Dīn al-Rānīrī telah mengarang kitab sekah yang pertama iaitu kitab **al-Sirāt al-Mustaqīm**.²⁹ Beliau mengambil masa lebih kurang 10 tahun untuk menyelesaikan karya ini iaitu dari tahun 1044 H hingga tahun 1054 H/1634-1694 M.³⁰

Karya ini seperti kata pengarangnya sendiri, adalah berdasarkan kepada **Minhāj al-Tālibīn** oleh Imām Nawāwī (W.1227 M), **Manhāj al-Tullāb** (ringkasan **Minhāj al-Tālibīn**) oleh Zakariyyā al-Anṣārī (W.1520) di samping syarah **Faṭḥ al-Wahhāb**, **Hidāyah al-Muhtāj**, syarah **Mukhtasar al-Fatāwā** oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī (W.1567 M), ‘Umdah al-Sālik wa ‘Uddah al-Nāsik oleh

²⁸ **Ibid.**, hlm. 117-123. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang cabang keilmuan bagi setiap kitab tersebut, lihat jadual I, II, III dan IV.

²⁹ Di cetak di tepi kitab **Sabil al-Muhtadin**, karangan Muḥammad Arsyād al-Banjārī.

³⁰ Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, hlm. 115.

Syihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Ḥajr al-Makkī dan **al-Anwār Li ‘Amal al-Barārah** oleh Arḍabīlī.³¹

Nūr al-Dīn al-Rānīrī merupakan seorang penulis yang produktif dan telah mengarang tidak kurang daripada 29 buah kitab yang kebanyakannya membicarakan berkaitan dengan tasawuf, tauhid, fekah, hadis, sejarah dan perbandingan agama.³² Lantaran itu, beliau juga adalah tokoh penting yang turut memainkan peranan dalam perkembangan penulisan kitab fekah di Nusantara.

Pada penghujung abad ke-18 Masihi pula, Muḥammad Arsyād al-Banjārī telah menulis kitab fekah yang bertajuk **Sabil al-Muhtadin**. Kitab ini merupakan salah satu daripada karya utama dalam bidang fekah di Nusantara setelah kitab **al-Sirāt al-Mustaqīm** oleh al-Rānīrī dan **Mir’at al-Tullāb** oleh al-Singkili. Muḥammad Arsyād menyatakan dalam catatan pendahuluannya

³¹ Lihat Nūr al-Dīn al-Rānīrī, **al-Sirāt al-Mustaqīm**, hlm. 5. Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, hlm. 115-116; Hawash Abdullah, **Perkembangan Ilmu Tasawwuf dan Tokoh-Tokohnya**, al-Ikhlas, Surabaya, 1980, hlm. 29; Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 5.

³² Azyumardi Azra, **op. cit.**, hlm. 180.

bahawa beliau mula menulis **Sabīl al-Muhtadīn** pada 1193 H/1179 M atas permintaan sultan Banjar iaitu Sultān Tahmīd Allāh b. Sultān Tamjīd Allāh. Karya ini selesai dikarang pada 1195 H/1781 M, terbahagi kepada dua jilid dan mempunyai lebih kurang 500 halaman. Kitab ini membahas secara terperinci aspek-aspek ibadah dari segi fekah. Pada dasarnya, kitab ini merupakan penjelasan lanjut kepada kitab **al-Sirāt al-Mustaqīm** karya al-Rānīrī yang banyak menggunakan istilah-istilah dalam bahasa Aceh yang sukar difahami oleh para ulama dan masyarakat Melayu-Indonesia di daerah-daerah lain di sekitar Nusantara.³³

Kitab **Sabīl al-Muhtadīn** sangat popular di kalangan masyarakat Melayu-Indonesia dan masih digunakan sehingga kini. Ia telah dicetak beberapa kali di Mekah, Istanbul, Kaherah dan tempat-tempat lain di Nusantara. Sumber utama **Sabīl al-Muhtadīn** ialah **Syarḥ Manhāj al-Tullāb** oleh Zakariyyā al-Anṣārī,

³³ Muhammad Arsyād al-Banjārī, **Sabīl al-Muhtadīn**, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, 1343, hlm. 3-4; Zafry Zamzam, **Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Sebagai Ulama Juru Da'wah**, Karya, Banjarmasin, 1974, hlm. 49; Shaghir Abdullah, **Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Matahari Islam**, al-Fathanah, Mempawah, 1983, hlm. 66-67; H.W. Muhd. Shaghir Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, I, Ramadhani, Solo, 1985, hlm. 81-82; Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 5.

Tuhfah al-Muhtāj karya Ibn Ḥajar al-Haytami, **Nihāyah al-Muhtāj** karya al-Ramli dan **Mughnī al-Muhtāj** karya Khaṭīb Syarbini.³⁴

Dengan yang demikian, kitab **Sabīl al-Muhtadīn** telah memainkan peranan yang penting sebagai sumber rujukan bagi Mazhab Syāfi‘ī di Nusantara kerana ia sering digunakan dalam pengajaran ilmu sekah terutamanya yang berkaitan dengan ibadat. Keturunan Muḥammad Arsyād al-Banjārī pula telah menyusun kumpulan ajarannya berkenaan dengan dasar-dasar akidah dan sekah yang berjudul **Perukunan Besar al-Banjārī** atau **Perukunan Melayu**. Karya ini juga sering digunakan dalam pengajaran seharian dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jawa dan bahasa Sunda.³⁵

Daripada keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa karya-karya yang menyentuh tentang ajaran-ajaran hukum Islam sangat diperlukan oleh umat Islam di Nusantara untuk menjadi panduan dalam kehidupan seharian. Ini secara tidak langsung membuktikan umat Islam di Nusantara mempunyai minat yang

³⁴ Muḥammad Arsyād al-Banjārī, **op. cit.**, hlm. 4.

³⁵ Zafry Zamzam, **op. cit.**, hlm. 49; M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 127.

mendalam terhadap aspek-aspek hukum Islam dan tidak hanya menaruh minat terhadap mistisisme Islam sahaja, sebagaimana yang diketengahkan oleh beberapa orang sarjana.³⁶

Secara ringkasnya, Muḥammad Arsyād al-Banjārī adalah di antara ulama Melayu-Indonesia yang telah menyumbangkan jasa yang besar bagi membantu perkembangan syariat di Nusantara pada abad ke-18 Masihi. Beliau telah memainkan peranan mengadakan pentadbiran hukum berlandaskan hukum Islam di Kesultanan Banjar. Dalam kaitan ini, peranannya dalam perkembangan bidang fekah dapat dilihat melalui karya-karyanya yang tersebar luas di Nusantara dan digunakan dalam pengajaran sehari-hari.³⁷

Pengarang Kitab Jawi yang paling produktif pada abad ke-19 Masihi ialah Dāwud b. 'Abd Allāh al-Faṭānī yang hidup sekitar masa yang sama dengan Muḥammad Arsyād al-Banjārī dan 'Abd al-Şamad

³⁶ Lihat Deliar Noer, **The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 12; C. Geertz, **Islam Observed: Religious Development in Morocco and Indonesia**, Yale University Press, New Haven & London, 1968, hlm. 12-13.

³⁷ Untuk mengetahui karya-karya Muḥammad Arsyād al-Banjārī, lihat Shaghir Abdullah, **Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari**, Matahari Islam, hlm. 41-58; Zafry Zamzam, **op. cit.**, hlm. 44-49.

al-Falembānī. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam usaha penyebaran lebih lanjut doktrin-doktrin hukum Islam di Nusantara. Beliau telah mengarang lebih daripada 20 buah kitab dan yang paling penting dalam bidang fekah, antaranya ialah **Furū'** **al-Masa'il wa Usūl al-Masa'il** yang menerangkan berkaitan dengan peraturan-peraturan dan petunjuk-petunjuk dalam kehidupan sehari-hari, dan kitab **Bughyah al-Tullāb al-Murid Ma'rifah al-Ahkām bi al-Sawāb** yang membahas tentang masalah-masalah ibadah. Kemudian beliau mengarang karya-karya yang lebih kecil seperti **Jāmi' al-Fawa'id** berkenaan dengan pelbagai kewajipan umat Islam terhadap sesama Islam dan bukan Islam, **Hidāyah al-Muta'allim Wa 'Umdah al-Mua'allim** tentang fekah secara umum, **Muniyyah al-Musallī** berkenaan dengan solat, **Nahj al-Rāghibīn fī Sabīl al-Muttaqīn** tentang hubungan-hubungan perdagangan, **Ghāyah al-Taqrīb** berkaitan dengan warisan (*fārā'id*), **Idāh al-Bāb Lī Murid al-Nikāh bi al-Sawāb** tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian serta beberapa tulisan lain yang lebih ringkas tentang fekah.³⁸

³⁸ Lihat H.W.M. Shaghir Abdullah, **Syekh Daud bin Abdullah Al-Fatani: 'Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara**, Hizbi, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 55-59; R.O Winstedt, **A History of Classical Malay Literature**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 153-154; V. Matheson & M.B. Hooker, "Jawi Literature In Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition", dlm. **JMBRAS**, I (1988), hlm. 61; M.Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 127.

Bughyah al-Tullāb terdiri daripada dua jilid yang masing-masing mengandungi 244 dan 236 halaman dan telah dicetak beberapa kali di Mekah, Kaherah, Istanbul dan pelbagai tempat di Nusantara. Kitab ini sama popularnya dengan **Sabil al-Muhtadin** dan masih digunakan dalam pengajaran di wilayah Melayu-Indonesia. **Bughyah al-Tullāb** mengandungi penjelasan yang terperinci berkenaan dengan pelbagai kewajipan agama (ibadat) dan dianggap sebagai kitab yang paling sempurna yang membahas tentang aspek ibadat. Sumber utama bagi kitab **Bughyah al-Tullāb** adalah **Minhāj al-Ṭalibīn** karya al-Nawāwī, **Faṭḥ al-Wahhāb** karya Zakariyyā al-Anṣārī, **Tuhfah al-Muhtāj** karya Ibn Ḥajar al-Haytamī, **Nihāyah al-Muhtāj** karya al-Ramlī dan beberapa karya lain dalam Mazhab Syāfiī.³⁹

Furu' al-Masa'il pula telah ditulis pada 1254 H/1838 M iaitu sebuah kitab fekah yang lengkap dan terdiri daripada dua jilid, masing-masing mengandungi 275 dan 394 halaman. Karya ini merupakan karya adaptasi daripada karya Syam al-Dīn al-Ramlī

³⁹ Lihat H.W.M. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, hlm. 99-100; M.B. Hooker, **Islamic Law in South-East Asia**, Oxford University Press, Singapōre, 1984, hlm. 32; V. Matheson & M.B. Hooker, **op. cit.**, hlm. 21; M.Van Bruinessen, **op. cit.**

iaitu **al-Fatāwā** dan karya Ḥusayn b. Muḥammad al-Maḥallī iaitu **Kasyf al-Litham** yang dikarang dalam bentuk soal-jawab.⁴⁰

Lantaran itu, melalui gaya penulisannya yang tersendiri ini Dāwud al-Faṭāñī telah memperkenalkan suatu metod baru dalam menerangkan tentang selok-belok fekah yang lebih berkesan dan dapat menarik perhatian para pembaca di Wilayah Melayu-Indonesia atau Nusantara.

Daripada keterangan-keterangan di atas, jelaslah bahawa Dāwud al-Faṭāñī melalui karya-karya tersebut telah memainkan peranan yang utama dalam sejarah perkembangan dan pengajaran fekah di Nusantara. Walaupun karya-karya beliau menggunakan judul yang berbahasa Arab, tetapi ia ditulis dalam bahasa Melayu/Jawi. Ini secara ~~tidak~~ langsung menunjukkan tujuan beliau adalah supaya umat Islam di Nusantara dapat memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran syariat.⁴¹

⁴⁰ Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 6.

⁴¹ H.W.M. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, hlm. 103-104.

Bagi membuktikan kepentingan perkara ini, beliau telah mengutip sebuah hadis yang menunjukkan pentingnya syariat atau fekah bagi umat Islam iaitu, bahawa seorang *faqīh* yang baik dapat mempertahankan dirinya secara lebih baik melawan kejahatan berbanding dengan seribu orang Muslim yang menjalankan kewajipan agama tanpa disertai pengetahuan yang memadai tentang fekah.⁴²

Sayid ‘Uthmān b. ‘Abd Allāh b. ‘Aqīl b. Yaḥyā iaitu ulama yang berketurunan Arab di Batavia turut mengarang kitab dalam bahasa Melayu/Jawi. Antara karyanya ialah **al-Qawānīn al-Syar‘iyah** yang merupakan sebuah kitab panduan bagi pengadilan secara Islam dan beberapa karya ringkas yang lain seperti **Adāb al-Insān**, **Bāb al-Minān** dan **Irsyād al-Anām** yang menyentuh tentang fekah *‘ubudiyah* selain aspek-aspek yang lain.⁴³ Lantaran itu, banyak karya dalam bidang fekah telah dikarang oleh para ulama Melayu/Indonesia dalam usaha penyebaran Islam di Nusantara.

⁴² Lihat **Ibid.**

⁴³ M.Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 127.

Dalam pada itu apabila dikaji daripada sumber-sumber rujukan yang disebutkan, maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa kebanyakannya adalah berasaskan karya-karya Ibn Ḥajar al-Haytāmī, Syam al-Dīn al-Ramlī, Khaṭīb al-Syarbīnī dan Zakariyyā al-Anṣārī. Abdul Jalil Hassan mengakui hakikat ini bahawa para ulama di Nusantara merujuk kepada Ibn Ḥajar al-Haytāmī dan Syam al-Dīn al-Ramlī sebagai sumber pengambilan mereka.⁴⁴

Sehubungan ini, kebanyakan tokoh yang menjadi sumber rujukan bagi ulama Nusantara adalah ulama Syafi'iyyah. Ciri utama karya mereka adalah bersifat *syarḥ*, *ḥāsiyyah* atau *hamisy*. Dalam konteks ini boleh dikatakan bahawa kitab **Tuhfah al-Muhtāj** karangan al-Haytāmī, **Nihayah al-Muhtāj** karangan al-Ramlī, **Mughnī al-Muhtāj** karangan al-Syarbīnī dan **Fath al-Wahhāb** karangan al-Anṣārī yang menjadi rujukan utama itu, pada hakikatnya merupakan *syarḥ* atau *ḥāsiyyah* kepada matan **Minhāj al-Talibin** karangan al-Nawāwī.⁴⁵

⁴⁴ Abdul Jalil Hassan, **Dalil-Dalil Hukum Islam**, Jabatan Agama Johor, Johor Bahru, 1959, hlm. 13.

⁴⁵ Mat Sa'ad Abd. Rahman, **Penulisan Fiqh Al-Shafī'I: Pertumbuhan dan Perkembangannya**, Ikatan Studi Islam UKM, Bangi, 1983, hlm. 78-84; Sirajuddin Abbas, **Tabaqat al-Shafīiyah: Ulama Shafii dan Kitab-kitabnya dari Abad ke Abad**, Pustaka Tarbiah, Jakarta, 1972,

Selain itu, ciri-ciri karya yang dihasilkan oleh para ulama ketika itu adakalanya menyimpang dan berbeza dengan pendapat imam-imam mazhab yang mengasaskannya yang akhirnya banyak menyebabkan timbulnya perbezaan pendapat. Hakikat ini diakui oleh Deliar Noer iaitu:

In spite of their claim to be followers of Madhahib (schools of laws)- mainly the mazhab (school) of Shafi'i-they, did not in general follow the teachings of the founders of the madhahib but confined themselves mainly to teachings of later imam or persons of knowledge, who in any cases deviated from the teachings of the founders.⁴⁶

1.1.3: Aspek Tasauf (Akhlak)

Dalam bidang tasauf, 'Abd al-Šamad al-Falembānī telah menulis kitab **Hidāyah al-Sālikīn fi Sulūk Masiķ al-Muttaqīn** yang diselesaikan penulisannya di Mekah pada tahun 1192 H/1778 M. **Hidāyah al-Sālikīn** antara lain membicarakan berkenaan dengan peraturan-peraturan syariat yang ditafsirkan

hlm. 206-208. Selanjutnya lihat M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 118-123.

⁴⁶ Deliar Noer, **op. cit.**, hlm. 300.

secara tasauf. Sungguhpun demikian karya ini sebenarnya adalah adaptasi daripada **Bidāyah al-Hidāyah** karya al-Ghazālī (W. 505 H/1111 M), kerana menurut beliau, “ia menyampaikan beberapa topik yang terdapat dalam karya al-Ghazālī (**Bidāyah al-Hidāyah**) dalam bahasa Jawi, sementara pada saat yang sama ia membuat sejumlah topik tambahan yang sesuai yang tidak diambil darinya.⁴⁷ Secara ringkasnya, beliau turut memuatkan pendapatnya sendiri dalam beberapa perkara.⁴⁸

Sebenarnya selain daripada **Bidāyah al-Hidāyah**, ‘Abd al-Şamad al-Falembānī turut mengambil bahan dari karya-karya al-Ghazālī yang lain seperti **Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn**, **Minhāj al-Ābidīn** dan **al-Arba‘īn fī Usūl al-Dīn**. Selain itu beliau turut membuat rujukan kepada karya-karya daripada beberapa ulama lain seperti **Yawaqit al-Jawāhir** karya al-Sya‘rānī,⁴⁹ **al-Durr al-Thamīn** karya

⁴⁷ ‘Abd al-Şamad al-Falembānī, **Hidāyah al-Sālikīn**, tanpa penerbit, Mesir, 1300H/1882M, hlm. 3.

⁴⁸ Lihat Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 5.

⁴⁹ Lihat ‘Abd al-Şamad al-Falembānī, **op. cit.**, hlm. 5.

‘Abd Allāh al-Aydarūs,⁵⁰ **al-Buṣṭān al-Ārifīn** karya al-Qusyāsyī⁵¹ dan **Nafhah al-Ilāhiyyah** karya al-Sammānī.⁵²

Beliau juga turut mengarang **Siyār al-Ṣalikīn ilā-‘Ibādah Rabb al-‘Alāmiṇ** yang juga merupakan karya adaptasi daripada **Lubāb Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn** yang merupakan versi ringkas **Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn** yang ditulis oleh saudara laki-laki al-Ghazālī, iaitu Ahmad b. Muhammad.⁵³ Seperti **Hidāyah al-Ṣalikīn**, beliau turut mengambil bahan-bahan tambahan daripada para ulama lain seperti Ibn ‘Arabī, al-Jili, Ibn ‘Aṭā’ Allāh, al-Sya’rānī, al-Burhānpūrī, al-Syinnāwī, al-Qusyāsyī, al-Kurānī, al-Nabulusī, al-Bakrī dan al-Sammānī. Seterusnya beliau turut membuat rujukan kepada ulama Melayu-Indonesia seperti ‘Abd al-Ra’ūf al-Singkili dan bahkan Syam al-Dīn al-Samatrānī,⁵⁴ yang dianggap ulama yang sesat oleh sesetengah pengkaji kerana fahaman *Wahdah al-Wujūd* yang dibawanya.

⁵⁰ **Ibid.**, hlm. 7-8.

⁵¹ **Ibid.**, hlm. 75.

⁵² **Ibid.**, hlm. 273-274.

⁵³ _____, **Siyār al-Ṣalikīn**, I, Pustaka Nasional, Singapura, t.t., hlm. 3.

⁵⁴ **Ibid.**, III, hlm. 168-184.

Fahaman *Wahdah al-Wujūd* telah mendapat kecaman yang hebat daripada para ulama. Misalnya al-Subkī (W.745H/1344M), Ibn Taymiyyah (W.728 H/1328 M) dan Ibn Khaldūn (780 H/1378 M) menghukumkan kafir bagi orang yang berpegang kepada fahaman tersebut. Namun akhirnya beberapa ulama hukum dan ulama hadis yang terkemuka telah membela Ibn ‘Arabī yang berpegang kepada fahaman *Wahdah al-Wujūd*, termasuk Muhyī al-Dīn al-Nawāwī (W. 676 H/1278 M), Jalāl al-Dīn al-Suyūtī dan Zakariyyā al-Anṣārī. Kemudian Ibn ‘Arabī juga dibela dengan gigih oleh al-Sya‘rānī, seorang ulama sufi.⁵⁵

Siyār al-Sālikīn terdiri daripada empat jilid, ditulis di Mekah dan Taif antara tahun 1193 H/1780 M dan 1203 H/1788 M. Seperti juga **Hidāyah al-Sālikīn** ia ditulis dalam bahasa Melayu/Jawi bagi memudahkan para pembaca di Nusantara. Kedua-dua karya tersebut antara lain menghuraikan prinsip-

⁵⁵ Untuk keterangan lanjut tentang pembelaan al-Sya‘rānī, lihat Michael Winter, **Society and Religion in Early Ottoman, Egypt: Studies in the Writings of ‘Abd Al-Wahhab Al-Sha‘rani**, Transaction Book, New Brunswick, 1982, hlm. 160-172. Bandingkan dengan A. Ates, “Ibn Al-‘Arabi, Muhyi'l-Din Abu ‘Abd Allah b. Muhammad b. ‘Ali b. Muhammad b. Al-‘Arabi Al-Hatimi Al-Ta’ī”, dlm. **EI²**, III, Leiden, 1979, hlm. 710-711. Untuk pembelaan al-Suyūtī terhadap Ibn al-‘Arabī daripada tuduhan murtad dan bahkan kafir, lihat E.M. Sartain, **Jalal Al-Din Al-Suyuti**, I, Cambridge University Press, Cambridge, 1975, hlm. 26-27.

prinsip keyakinan Islam dan kewajipan-kewajipan agama yang harus diikuti oleh orang yang ingin mengikuti jalan tasauf.⁵⁶

Muhammad Nafis al-Banjari pula telah mengarang kitab **al-Durr al-Nafis**, yang antara lain turut berusaha mengambil jalan tengah antara tradisi tasauf al-Ghazali yang berorientasikan syariat dengan tradisi tasauf falsafah Ibn al-'Arabi. Karya ini selesai ditulis di Mekah pada tahun 1200 H/1785 M. Tujuan kitab ini ditulis dalam bahasa Jawi adalah bagi memudahkan pembaca yang tidak memahami bahasa Arab.⁵⁷

Kitab **al-Durr al-Nafis** antara lain mengambil bahan-bahan daripada **Futuhah al-Makkiyah** dan **Fusus al-Hikam** karya Ibn al-'Arabi, **Hikam** karya 'Atā' Allāh, **Insān Kāmil** karya al-Jili, **Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn** dan **Minhāj al-'Ābidīn** karya al-Ghazālī, **Risālah al-Qusyairiyah** karya al-Qusyairī, **Jawāhir wa al-Durār** karya al-Sya'rānī, **Mukhtasar al-Tuhfah al-Mursalah** karya 'Abd

⁵⁶ Sebahagian daripada ajaran-ajaran 'Abd al-Şamad al-Falembānī telah dibahas dalam M. Chatib Quzwaini, **op. cit.**, hlm. 31-162.

⁵⁷ H.M. Lailly Mansur, **Kitab ad-Durun Nafis: Tinjauan Atas Suatu Ajaran Tasawuf**, Hasanu, Banjarmasin, 1982, hlm. 5-8.

Allāh b. Ibrāhīm al-Mirghānī dan **Manhah al-Muhammadiyyah** karya al-Sammānī.⁵⁸

Sementara itu kitab **Hikam** karya Ibn ‘Atā’ Allāh pula telah diterjemahkan oleh Dāwud b. ‘Abd Allāh al-Fatānī ke dalam bahasa Melayu/Jawi dan **Taj al-‘Arūs** juga karya Ibn ‘Atā’ Allāh telah selesai diterjemahkan oleh ‘Uthmān b. Syihāb al-Dīn al-Funtiyānī pada 1304H/1886M. Pada 1295H/1878M, Ahmad Khaṭīb b. ‘Abd al-Ghaffār Sambās telah mengarang kitab **Faṭḥ al-‘Ārifin** dalam bahasa Melayu/Jawi yang menerangkan berkaitan dengan amalan-amalan tarikat atau sufi menurut Qadiriyyah dan Naqsabandiyah.⁵⁹

1.1.4: Aspek-aspek lain

Nūr al-Dīn al-Rānīri telah mengumpulkan sejumlah hadis yang diterjemahkannya dari bahasa Arab ke bahasa

⁵⁸ Untuk bahasan lebih lanjut kitab **al-Durr al-Nafīs**, lihat H.M. Lailly Mansur, **op. cit.**, hlm. 14-59.

⁵⁹ Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 6.

Melayu/Jawi⁶⁰ dalam karyanya **al-Fawā'id al-Bahiyah fī al-Aḥadīth al-Nabawiyah** atau dikenali juga dengan **Hidāyah al-Habīb fī al-Targhib wa al-Tarhib**. Karya ini merupakan karya pertama dalam bidang hadis di Asia Tenggara dalam bahasa Melayu/Jawi (1045H/1635M). Dalam risalah ini, beliau telah menerangkan hadis-hadis berpandukan ayat-ayat al-Qur'an. Di dalam risalah ini sebanyak 831 buah hadis telah dikumpulkan.⁶¹

Dalam pada itu, Syaikh 'Alī b. 'Abd al-Rahmān al-Kelantānī telah mengarang kitab **Jauhar al-Mauhūb** pada tahun 1306 H/1888 M iaitu sebuah karya terjemahan kepada 400 hadis yang dikumpul oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūtī.⁶² Pembicaraannya mengandungi pelbagai bidang seperti akhlak, fekah dan terdapat hadis serta cerita-cerita yang dianggap sebagai *targhib* dan *tarhib*. Di samping itu kitab ini juga mengandungi persoalan tentang kelebihan-kelebihan akal ditinjau daripada aspek falsafah atau

⁶⁰ Azyumardi Azra, **op. cit.**, hlm. 187.

⁶¹ Untuk mengetahui ringkasan kitab tersebut, lihat Hj.W. Mohd. Shaghir Abdullah, **Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara**, II, hlm. 62-64.

⁶² Kitab ini terbahagi kepada 40 bab dan tiap-tiap bab mengandungi 10 hadis. Lihat 'Alī al-Kelantānī, **Jauhar al-Mauhub**, hlm. 4.

hikmat.⁶³ Kitab **Tanbih al-Għafilin** pula telah dikarang oleh ‘Abd Allāh b. ‘Abd al-Mubīn pada tahun 1303 H/1885 M.⁶⁴

Menyentuh bidang tafsir al-Qur'an pula, kelihatannya bidang ini sangat sedikit dikarang oleh para ulama di Nusantara dalam bentuk Kitab Jawi. Namun begitu dalam sistem pengajian pondok, **Tafsīr al-Jalālayn** yang dikarang oleh Jalāl al-Dīn Al-Mahallī (W. 864 H/1459 M) dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī sering digunakan walaupun terdapat tafsir al-Qur'an dalam bahasa Melayu/Jawi yang ditulis oleh Syaikh ‘Abd al-Ra’ūf b. ‘Alī al-Fansūrī pada pertengahan abad ke-17 Masihi⁶⁵ iaitu **Tarjuman al-Mustafid** atau **Tafsīr al-Baydāwī**.⁶⁶

Begitu juga dalam aspek sejarah Islam, hanya dalam tahun 1922 Masihi, Syed Syaikh al-Hādi telah menerbitkan sebuah kitab sejarah iaitu **al-Tārīkh al-Islāmī** dalam bentuk kitab Jawi. Kitab

⁶³ Ismail Awang, "Tok Wan Ali Kutan (1837-1913)", dlm. Ismail Che Daud (ed.), **op. cit.**, hlm. 79-81.

⁶⁴ Mohd Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 7.

⁶⁵ HAMKA, **Pengantar Qur'an al-Karim H.B. Jasin**, Bulan Bintang, Jakarta, 1977, hlm. 7.

⁶⁶ Untuk mengetahui lebih lanjut tentang kitab tafsir ini dan data kandungan ringkasnya, lihat Hj. W. Mohd. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, hlm. 157-166.

sejarah ini mengandungi 250 halaman walaupun rancangan asal beliau untuk menerbitkan sebanyak 20 jilid tetapi oleh kerana sambutan yang tidak memuaskan maka rancangan tersebut tidak diteruskannya.⁶⁷

Akan tetapi menurut Drewes, terdapat terjemahan karya **Futūh al-Syām** karya al-Wāqidi (W. 874 M) tetapi sehingga kini masih dalam bentuk manuskrip dan tidak banyak digunakan.⁶⁸ Manakala **Kitāb Seribu Mas'alah** hasil karya Ki Agus Muhammadi Mizan pada 1273H/1856M telah diberi perhatian yang lebih oleh para ulama di Nusantara walaupun terdapat kutipan dan penafsiran al-Qur'an serta fakta sejarah yang banyak menyeleweng.⁶⁹

Secara ringkasnya, banyak aspek yang dibincangkan oleh

⁶⁷ Li Chuan Siu, **A Bird's-Eyes View of the Development of Modern Malay Literature**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 10.

⁶⁸ G.W.J. Drewes, **op. cit.**, hlm. 218.

⁶⁹ Menurut sumber sejarah Islam, ‘Abd Allāh b. Salām tidak pernah bertanya kepada Nabi (ṣ.a.w.) sebanyak seribu persoalan. ‘Abd Allāh b. Salām memeluk Islam secara tiba-tiba selepas Nabi (ṣ.a.w.) tiba di Madinah atau menurut sumber yang lain, semasa Nabi masih berada di Mekah. Lihat J. Horovits, “‘Abd Allah b. Salam”, dlm. **EI²I**, Leiden, 1960, hlm. 52.

para ulama di Nusantara melalui karya-karya yang telah dihasilkan. Daripada perbincangan tersebut juga dapat dirumuskan bahawa di dalam bidang tauhid, para ulama Kitab Jawi kebiasaananya mengeluarkan pendapat berasaskan fahaman Asyā'irah, bidang fekah berasaskan mazhab Syafī'i, tasauf berasaskan al-Ghazālī dan tarikat pula berasaskan Naqsabandiyyah dan Qadiriyyah.⁷⁰

1.2: Format Umum Kitab Jawi

Kebanyakan Kitab Jawi adalah hasil terjemahan atau ubah suai (adaptasi) daripada kitab berbahasa Arab, tetapi pengaruh persekitaran tempatan turut diambil kira dalam penulisan Kitab Jawi. Ada kalanya tajuk sesebuah kitab diubah, misalnya kitab **Umm al-Barāhīn** oleh al-Sanūsī (W. 895H/1490M) telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu/Jawi oleh Muḥammad Zayn b. Faqīh Jalāl al-Dīn pada 1757 Masihi dengan tajuk **Bidāyah al-Hidāyah**. Muḥammad Zayn al-Dīn b. Muḥammad al-Badawī telah menterjemahkan kitab tersebut dengan memberi

⁷⁰ Lihat C. Snouck Hurgronje, **Mekka in the Latter Part of the 19th Century**, (terj.) J.H. Monahan, E.J. Brill, Leiden, 1970, hlm. 193.

nama **Sirāj al-Hudā** pada tahun 1886 Masihi dan terjemahan ketiga dilakukan oleh Zayn al-Ābidīn b. Muḥammad al-Fatāñī dengan nama '**Aqīdah al-Najīn**' pada tahun 1890 Masihi.⁷¹

Bagi terjemahan berbahasa Melayu/Jawi, teks berbahasa Arab dipotong-potong supaya menjadi kalimat yang pendek, kemudian masing-masing diikuti dengan terjemahan berbahasa Melayu/Jawi yang lebih *harfiyyah* dan diletakkan di antara tanda kurung. Namun begitu, selalunya terjemahan dan/atau syarah berbahasa Melayu/Jawi dicetak secara terpisah, tanpa menyertakan teks Arabnya.⁷²

Biasanya sebuah kitab yang ringkas atau kecil akan digabungkan atau dimuatkan di bahagian tepi dalam sebuah kitab yang lebih besar.⁷³ Mengenai tajuk pula, hampir kesemua tajuk Kitab Jawi diberikan dalam bahasa Arab, tetapi isi kandungannya ditulis menggunakan huruf Jawi. Penggunaan

⁷¹ Mohd. Nor Ngah, **op. cit.**, hlm. 2.

⁷² M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 142.

⁷³ Misalnya kitab **Uṣūl al-Tahqīq**, kitab **Maw'izah al-Nās** dan kitab **Tajwīd al-Qur'ān** telah digabungkan dalam kitab **Miftāh al-Jannah** manakala kitab **Sirāt al-Mustaqim** dicetak di sebelah tepi kitab **Sabil al-Muhtadin**.

tajuk menggunakan bahasa Arab berkemungkinan untuk menarik minat pembaca di Nusantara.

Dalam kes tertentu, sebuah kitab mempunyai dua tajuk iaitu tajuk asal dalam bahasa Arab dan tajuk dalam bahasa Melayu. Di samping itu, judul atau tajuk kitab lazimnya disebutkan sama ada di bahagian permulaan atau akhiran kitab.

Pengarang Kitab Jawi juga kadang kala tidak meletakkan tarikh pada kitab yang dikarang. Ini berlaku kerana pada masa dahulu aspek tarikh atau kronologi dianggap tidak penting. Justeru itu, terdapat banyak Kitab Jawi yang tidak mempunyai tarikh ia dikarang. Walaupun tertera tarikhnya, ia masih boleh dipertikaikan kerana kadangkala tarikh yang diberikan adalah merujuk kepada tarikh manuskrip itu disalin bukan tarikh ia dikarang.⁷⁴

Beralih kepada aspek pembinaan ayat dan gaya penulisan, nampaknya Kitab Jawi banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab. Selain itu, perkataan Arab banyak juga digunakan. Ejaan yang

⁷⁴ Lihat Mahayudin Haji Yahaya, **op. cit.**, hlm. 76-78.

digunakan dalam Kitab Jawi lebih ringkas dan padat berbanding dengan tulisan Jawi moden. Biasanya pengarang kitab Jawi akan memulakan penulisannya dengan *basmalah* serta kata-kata pujian kepada Allah (S.W.T.), rasul-Nya dan para sahabat serta menerangkan berkenaan dengan kebesaran-Nya di samping menyatakan tentang kekurangan diri mereka. Kemudian barulah pengarang akan memulakan penulisan mereka.

Sementara itu, di bahagian isi pengarang lazimnya bermula dengan perkataan “*amma ba’du*” atau “*syahadan*” atau “kemudian daripada itu” dan lain-lain. Golongan sasaran atau pembaca diistilahkan oleh pengarang sebagai “*tālib*”. Berhubung dengan teks kitab, perkara yang menimbulkan sedikit masalah ialah kerana ketiadaan perenggan dan tanda berhenti (titik atau koma).

◆◆◆

Pada akhir penulisan kitab pula, pengarang menyatakan kerelaannya menerima teguran, kritikan atau pandangan para pembaca. Mereka juga mengakui bahawa ilmu itu merupakan bidang yang sangat luas dan kesemuanya berpunca daripada Allah (S.W.T.). Akhirnya pengarang kitab akan memohon keampunan daripada Allah.

Format Kitab Jawi yang digunakan di pondok atau pesantren umumnya lebih kecil daripada kertas kuarto (26 cm) dan tidak dijilid, dan lembaran-lembaran itu akan dibungkus dengan sampul kulit kitab tersebut. Ini menunjukkan perbezaan format yang ketara dengan kitab yang ditulis, diterjemah dan dikomentar oleh para pengarang moden. Sesetengah penerbit mencetak Kitab Jawi di atas kertas yang berwarna kuning, yang mungkin bertujuan supaya pembacanya menganggap kitab tersebut kelihatan lebih klasik.⁷⁵ Sungguhpun demikian, kitab Jawi yang diterbitkan kebelakangan ini sudah dijilid.

Menyentuh secara umum berkenaan dengan format Kitab Jawi yang membicarakan aspek tauhid, kebanyakan pengarang sebelum membincangkan berkenaan dengan sifat-sifat Allah (S.W.T.) mereka akan menghuraikan kepada para pembaca tentang hukum akal yang mengandungi tiga bahagian iaitu wajib, mustahil, dan harus beserta huraiannya masing-masing.⁷⁶

⁷⁵ M.Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 142.

⁷⁶ Menurut para ulama Kitab Jawi pengetahuan berkaitan dengan hukum akal dan bahagian-bahagiannya sangat penting kerana ia menjadi neraca untuk menghukumkan sifat-sifat Allah (S.W.T.). Takrif wajib bagi hukum akal ialah tidak tergambar pada akal tentang tiadanya sesuatu perkara itu; takrif mustahil ialah tidak tergambar pada akal tentang adanya; manakala takrif harus ialah tergambar pada akal tentang ada atau tiadanya sesuatu perkara itu. Lihat Zayn al-'Abidin

Selepas penerangan tentang bahagian-bahagian hukum akal itu, barulah para ulama Kitab Jawi akan menghuraikan tentang dua puluh sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah (S.W.T.) beserta perbahasananya masing-masing. Selanjutnya ialah huraian tentang sifat yang harus bagi Allah (S.W.T.).

Selain daripada penerangan tentang dua puluh sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah (S.W.T.), bukti-bukti bagi setiap sifat wajib tersebut turut dikemukakan. Bukti tersebut sama ada terdiri daripada dalil *naqlī* (hujah menggunakan al-Qur'an) dan dalil *'aqlī* (hujah menggunakan akal) atau kedua-duanya sekali. Contoh dalil *naqlī* ialah: Allah itu wujud dan dalil *naqlī* tentang sifat wujud Allah terdapat dalam firman Allah (S.W.T.): "Apakah keraguan terhadap Allah?"⁷⁷ dan firman-Nya lagi yang

al-Faṭānī, **Aqidah al-Najīn**, al-Ma'ārif, t.t., hlm. 10-11; Muḥammad Zayn b. Faqih Jalāl al-Dīn, **Bidāyah al-Hidāyah**, al-Ma'ārif, t.t., hlm. 5; Dāwud al-Faṭānī, **al-Durr al-Thamīn**, Matba'ah Dār al-Ma'ārif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 9-10; Aḥmad al-Faṭānī, **Farīdah al-Farā'id**, Matba'ah Dār al-Ma'ārif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 3; 'Abd al-Ghani Yaḥyā dan 'Umar Yūsuf, **Risālah al-Tawḥīd**, tanpa penerbit, 1952, hlm. 7-10; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **Hidayah al-Sibyān**, al-Ma'ārif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 3; **Hidayah al-Mutafakkirīn**, Persama Press, Pulau Pinang, Cet. VI, 1961, hlm. 4; Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, **Sirāj al-Hudā**, Matba'ah Dār al-Ma'ārif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 4-7; Muḥammad Azhari al-Falembānī, **Atiyah al-Rahmān**, di tepi kitab **Sirāj al-Hudā** oleh Muḥammad Zayn al-Dīn al-Sambāwī, hlm. 6.

⁷⁷ Al-Qur'an, Surah Ibrāhīm (14): 10.

bermaksud: "...bahawa sesungguhnya Allah telah menciptakan langit dan bumi..."⁷⁸

Manakala contoh dalil *aqlī* ialah: dalil tentang wujud Allah adalah baharu alam ini kerana kalau alam tidak ada yang menciptanya atau ada dengan sendirinya tentu akan terjadi dua sesuatu yang berimbang, dua sesuatu yang sama atau yang satunya melebihi daripada yang lainnya tanpa adanya sebab, maka yang seperti ini mustahil terjadi. Dalil baharu alam ialah ia selalu disertai '*arad* (sifat) yang baharu seperti gerak dan diam dan lain-lain dan yang selalu disertai yang baharu tentunya baharu juga. Manakala dalil baharu '*arad* kelihatan selalu berubah daripada tiada menjadi ada dan daripada ada menjadi tiada.⁷⁹

Akhirnya, baharulah para ulama Kitab Jawi menerangkan aspek-aspek tauhid yang lain kepada para pembaca. Jika

⁷⁸ Al-Qur'an, Surah Ibrāhīm (14): 19.

⁷⁹ Lihat misalnya Zayn al-Ābidīn al-Faṭā'ī, *op. cit.*, hlm. 58; 'Uthmān b. 'Abd Allāh, **Ini Kitab Sifat Dua Puluh**, tanpa penerbit, t.t., hlm. 8; Ḥusayn Nāṣir al-Banjārī, **Hidāyah al-Šibyān**, hlm. 3; **Hidāyah al-Mutafakkirin**, hlm. 3; 'Abd al-Rasyid Banjār, **Kitāb Perukunan**, Sulaiman Mar'ie, Singapura, t.t., hlm. 26; **Syarh Uṣūl al-Tahqīq**, (t.p.), Maṭba'ah Dār al-Ma'ārif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 5-6.

dibandingkan dengan kitab Arab klasik yang dipelajari di pondok, kebanyakannya adalah kitab komentar (*syarḥ*) atau komentar atas komentar (*ḥāsyiyah*) kepada teks yang lebih tua (*matn*). Untuk memudahkan pembelajaran, teks yang disyarahi atau diḥāsyiyahi akan dicetak di sebelah tepi kitab.⁸⁰

Bercakap tentang buku-buku teks dasar yang dipelajari pula, kebanyakannya adalah *manzum* iaitu ditulis dalam bentuk sajak-sajak berirama (*nazam*) bagi memudahkan penghafalan. Contoh karya *manzum* yang mungkin paling panjang ialah **Alfiyah** (sebuah teks tatabahasa Arab). Beberapa syarah kepada kitab *manzum* ini biasanya menyertakan bait aslinya dalam teks (prosa) syarahnya iaitu tidak mengasingkan bait-bait sajak di sebelah tepi halaman teks.⁸¹

Mengenai penerbitan pula, kebanyakan kitab Jawi telah diterbitkan di Singapura, Pulau Pinang, Surabaya, Mekah dan Mesir, tetapi kini kebanyakan Kitab Jawi yang digunakan di

⁸⁰ M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 141.

⁸¹ **Ibid.**, hlm. 141-142.

Malaysia dicetak di Pulau Pinang.⁸² Umumnya, Kitab Jawi tersebut tidak mempunyai surat hak cipta. Lantaran itu, ia akan diterbitkan semula sepanjang masa tanpa meletakkan tarikh dan kebenaran daripada pihak pengarang. Sesetengah daripada pengarang, penyusun atau penterjemah Kitab Jawi tidak diketahui kerana mereka tidak menuliskan nama pada karya yang dihasilkan.⁸³

Justeru itu, kajian ini cuba mengenangkan sumbangan para ulama di Nusantara dalam mengembangkan pengajian Islam yang berkaitan dengan ilmu tauhid dengan merujuk kepada karya mereka yang dikenali sebagai Kitab Jawi. Dengan itu, usaha ini diharapkan mampu membangkitkan kesedaran di kalangan umat Islam tentang kekayaan tamadun Islam di Nusantara di samping memperkayakan lagi khazanah ilmu-ilmu Islam agar dapat dimanfaatkan oleh umat Islam secara keseluruhannya.

⁸² Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan sejarah perkembangan penerbitan Kitab Jawi di Nusantara, lihat **Ibid.**, hlm. 135-141; Bandingkan dengan Mahayudin Haji Yahaya, **op. cit.**, hlm. 71.

⁸³ Bagi mengetahui beberapa contoh karya tanpa pengarang dan data kandungan ringkasnya lihat Hj.W. Mohd. Shaghir Abdullah, **op. cit.**, II, hlm. 145-181.

1.3 : Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah

Tajuk penyelidikan disertasi ini ialah **Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi**. Sebelum penulis menjelaskan maksud pengertian tajuk kajian ini, penulis terlebih dahulu akan menghuraikan beberapa istilah yang penulis gunakan semasa memilih tajuk kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah **Konsep, Ilmu, Tauhid, Kitab dan Jawi**.

Perkataan **konsep** atau **konsepsi** menurut **Kamus Dewan** bermaksud “pengertian (pendapat yang terbentuk dalam fikiran) mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan, idea.”⁸⁴ Manakala kata terbitannya **mengkonsepsikan** membawa maksud “membayangkan (menggambarkan) sesuatu konsep dalam fikiran.”⁸⁵

Perkataan **ilmu** pula bermaksud pengetahuan atau kepandaian sama ada dalam perkara dunia atau akhirat, zahir mahupun batin dan sebagainya. Selain itu ia juga bererti kajian

⁸⁴ **Kamus Dewan**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cet. Ke-III, 1997, hlm. 702.

⁸⁵ **Ibid.**

berkenaan sesuatu perkara. Misalnya ilmu bumi, ilmu masyarakat, ilmu kedoktoran dan lain-lain.⁸⁶

Sementara itu, perkataan **tauhid** berasal daripada perkataan Arab wahada (وَحْدَةٌ) yang bererti satu, tunggal (Esa).⁸⁷ Dalam **Kamus Dewan** ia bermaksud keesaan atau ketunggalan Allah. Justeru itu, **ilmu tauhid** bermaksud ilmu yang membincangkan berkaitan dengan keesaan Allah.⁸⁸ Dalam pada itu pengertian mentauhidkan Allah bermakna mengakui bahawa Allah itu esa (satu) atau memusatkan hati dan perasaan berkenaan dengan keesaan Allah.⁸⁹

Selanjutnya perkataan **kitab** menurut **Kamus Dewan** adalah buku yang mengandungi berbagai-bagai perkara atau maklumat.⁹⁰ Terdapat juga yang mentakrifkan perkataan kitab sebagai risalah-risalah tentang agama yang tertulis dalam bentuk

⁸⁶ **Ibid.**, hlm. 483.

⁸⁷ Muhammad Idrīs al-Marbawī, *Qāmūs al-Marbawī*, II, Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, Mesir, 1354H/1935M, hlm. 382.

⁸⁸ **Kamus Dewan**, hlm. 1384.

⁸⁹ **Ibid.**

⁹⁰ **Ibid.**

prosa untuk dipelajari atau dihafal.⁹¹ Namun begitu, secara amnya, kitab bermaksud “buku” dan menurut kebiasaan dalam bahasa Melayu, ia merujuk kepada “buku-buku agama.”⁹²

:

Beralih pula kepada maksud perkataan **jawi**. Ia mempunyai pelbagai maksud, bergantung kepada kedudukannya di dalam satu rangkai kata. Ia dikaitkan dengan mereka yang berasal daripada keturunan campuran darah Melayu-India yang digelar sebagai Jawi Peranakan.⁹³ Perkataan ini juga biasa dikaitkan dengan sejenis tumbuhan seperti pokok jejawi, padi jawi dan sejenis binatang iaitu lembu.⁹⁴

Namun begitu, jawi yang dimaksudkan dalam kajian ini

.....

⁹¹ H.A.R. Gibb & J. H. Kremer, **EI**²III, Leiden, 1979, hlm. 372-373.

⁹² Lihat R. Roolvink, **Bahasa Jawi**, Universitaire Pers, Leiden, 1975, hlm. 2.

⁹³ **Kamus Dewan**, hlm. 524.

⁹⁴ **Ibid.** Lebih lanjut lihat halaman yang sama mengenai perkataan jawi yang mempunyai maksud tertentu apabila dikaitkan dengan peribahasa seperti bagi jawi makan, dimamah dahulu baru ditelan yang bermaksud sebelum melakukan sesuatu pekerjaan terlebih dahulu ditimbangkan dan dirundingkan; bagi jawi terkurung siang yang bermaksud orang yang tidak dapat bertindak sesuka hatinya kerana terkongkong oleh adat.

adalah yang berkaitan dengan bahasa. Menurut **Kamus Dewan**, jawi bagi maksud ini ialah bahasa Melayu dan juga dikenali sebagai huruf-huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis dalam bahasa Melayu.⁹⁵

Menurut R. Roolvink pula, perkataan jawi juga merujuk kepada “penduduk Tanah Jawa,” yang juga dikaitkan kepada “orang Melayu” kerana orang Arab pada masa dahulu menganggap semua orang di kepulauan Melayu sebagai orang Jawa. Lantaran itu, tulisan orang Melayu yang menggunakan huruf Arab dikenali sebagai skrip Jawi. Malah istilah Jawi juga merujuk kepada orang yang tinggal di Sumatera dan Tanah Melayu secara amnya.⁹⁶

Manakala menurut Azyumardi Azra, istilah “Jawi”, walaupun berasal daripada kata “Jawa”, adalah secara khususnya merujuk kepada setiap orang yang berasal dari Nusantara.⁹⁷ Selain itu pertambahan jumlah penduduk dari Nusantara yang pergi ke

⁹⁵ **Ibid.**, hlm. 524.

⁹⁶ Lihat R. Roolvink, **op. cit.**, hlm. 2. Lihat juga S.M.N. al-Attas, **Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu**, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 43.

⁹⁷ Azyumardi Azra, **op. cit.**, hlm. 17.

negara Timur Tengah sejak abad ke-14 Masihi dan ke-15 Masihi, sama ada bagi mengerjakan haji atau untuk menuntut ilmu telah mendorong kemunculan komuniti-komuniti yang disebut oleh sumber-sumber Arab sebagai *Aṣḥāb al-Jawīyyīn* di Haramayn⁹⁸ yang bermaksud orang Jawa.

Dalam pada itu, penulis-penulis Arab pada zaman klasik termasuk Ibn Battuta⁹⁹ menggelar Pulau Sumatera sebagai *al-Jawah*. Lantaran itu, orang Arab merangkumkan orang Melayu dan Jawa sebagai bangsa Jawi dan tulisan Melayu yang menggunakan huruf Arab itu disebut sebagai tulisan Jawi.

Berdasarkan ini, gelaran “Jawi” bagi huruf-huruf Arab mungkin berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang Arab terutama di Mekah terhadap bangsa Melayu dan Indonesia hingga ke hari ini. Oleh itu, perkataan Jawi ialah kata sifat yang membawa erti “orang Jawa” atau “berasal dari tanah Jawa”.

⁹⁸ **Ibid.**

⁹⁹ Ibn Battutah, **Travel in Asia and Afrika, 1325-1354**, H.A.R. Gibb (ed.), George Routledge, London, hlm. 273.

Akan tetapi perkaitan antara Jawa dengan tulisan Jawi adalah suatu yang agak aneh kerana Jawa berada di bawah pengaruh Islam lebih kurang pada tahun 1478 M. Pada masa itu, orang Jawa telah mempunyai bahasa dan tulisan sendiri yang sangat berbeza dengan bahasa Melayu bertulisan Jawi.¹⁰⁰

Di samping itu, menurut Mahayudin Yahaya perkataan Jawi, Jawa atau Jawah telah lama digunakan oleh penulis-penulis Arab dalam karya-karya mereka. Malahan semasa kedatangan C. Snouck Hurgronje pada tahun 1884-1885 ke Mekah istilah tersebut telah digunakan oleh orang Arab. Oleh itu, berkemungkinan penggunaannya bermula di sana.¹⁰¹

Sementara itu Konvensyen Tulisan Jawi yang diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada tahun 1984 telah meluluskan satu resolusi berkenaan dengan pengertian Jawi iaitu

¹⁰⁰ Lihat Lutfi Abbas dan Omar Awang, "Kesan Pengaruh Islam dan Bahasa Arab ke Atas Bahasa Melayu", Kumpulan Kertas Kerja Bertajuk: **Melayu dan Islam Sebagai Teras Kehidupan Bangsa Malaysia**, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 95.

¹⁰¹ Mahayudin Haji Yahaya, **Ensiklopedia Sejarah Islam**, II, hlm. 551.

dengan merangkumkan seluruh Nusantara dan tidak terhad kepada masyarakat Jawa sahaja.¹⁰²

Berdasarkan keterangan-keterangan yang dinyatakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa istilah jawi dalam konteks bahasa dan nama bagi tulisan ini tidak mempunyai kaitan dengan perkataan jawi yang disandarkan kepada orang Jawa atau Pulau Jawa selain daripada persamaan dari segi sebutan.

Dengan yang demikian, secara ringkasnya pengertian Kitab Jawi¹⁰³ adalah merujuk kepada buku-buku agama yang telah dikarang oleh para ulama di Nusantara. Manakala tulisan Jawi yang berkait rapat dengan huruf-huruf Arab telah digunakan semasa penulisannya.

Hasil daripada huraian pengertian tajuk dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian, dapatlah dirumuskan perkara-perkara pokok yang akan dianalisa dan dikaji iaitu antaranya:

¹⁰² Yayasan Islam Terengganu dan Dewan Bahasa, **Konvensyen Tulisan Jawi 1984**, hlm. 8.

¹⁰³ Bagi M. Van Bruinessen pula, Kitab Jawi juga dikenali dengan nama "Kitab Kuning" kerana warna kertas kuning yang dibawa dari Timur Tengah pada awal abad ke-20 Masih. M. Van Bruinessen, **op. cit.**, hlm. 132.

- i. Sejarah penulisan dan aspek-aspek keilmuan yang terkandung dalam Kitab Jawi.
- ii. Kedudukan tauhid dalam Islam dan perkembangannya di Nusantara.
- iii. Konsep Sifat Dua Puluh dan pembahagiannya sebagaimana yang dibincangkan oleh para ulama Kitab Jawi.
- iv. Konsep *af'āl* Allah (perbuatan Allah) dan *af'āl al-'ibād* (*Qadā'* dan *Qadar*) sebagaimana yang diterangkan oleh para ulama Kitab Jawi.
- v. Perbandingan secara tidak langsung dengan pendapat-pendapat *mutakallimūn* yang lain seperti golongan Asyā'irah dan Mu'tazilah.

Perkara-perkara di atas akan dibincangkan dan dianalisa secara mendalam berdasarkan maklumat-maklumat yang diyakini sahih. Ini bertujuan supaya penelitian ini benar-benar bernilai sebagai suatu kajian ilmiah. Semua bahan ini seterusnya akan digarap menjadi suatu kesimpulan.

1.4: Objektif Penulisan

Objektif-objektif kajian disertasi ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengetahui dengan lebih dekat aspek-aspek penting ilmu tauhid yang diketengahkan oleh para ulama Kitab Jawi dalam karya-karya mereka yang dikenali sebagai Kitab Jawi.
- ii. Untuk menjelaskan idea-idea para *Mutakallimūn* dari beberapa aliran pemikiran Islam dan perbandingannya dengan pendapat para ulama Kitab Jawi secara umum, dengan harapan kualiti pemikiran yang mendalam dapat ditingkatkan.
- iii. Bagi menonjolkan ketokohan para ulama Kitab Jawi dan mengenengahkan sumbangaan mereka dalam pelbagai aspek keilmuan Islam di Nusantara.
- iv. Bagi mengenengahkan Kitab Jawi yang merupakan khazanah peninggalan ulama-ulama silam supaya ia menjadi bahan kajian yang berterusan oleh para sarjana Islam pada masa akan datang.

v. Untuk meneruskan kesinambungan dalam usaha pengkajian terhadap ilmu-ilmu Islam yang hampir dilupakan. Dalam konteks ini Kitab Jawi tidak lagi menarik minat di kalangan generasi muda untuk dijadikan bahan kajian atau pembelajaran. Oleh itu usaha ini diharapkan dapat menyumbangkan kesedaran kepada masyarakat Islam secara umumnya dan generasi muda secara khususnya.

1.5: Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara bagi melakukan sesuatu penyelidikan.¹⁰⁴ Metod memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian.¹⁰⁵

Justeru itu, sesuatu kajian akan lebih bernilai dan tinggi mutunya apabila metod-metod yang digunakan adalah tepat dan sesuai dengan objek dan tujuan penyelidikan. Kegagalan

¹⁰⁴ Imam Barnadib, **Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan**, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, 1982, hlm. 51.

¹⁰⁵ Koentjaraningrat (ed.), **Metode-Metode Penelitian Masyarakat**, P.T. Gramedia, Jakarta, 1983, hlm. 16.

seseorang pengkaji menguasai metod kajiannya boleh mengimplikasikan kegalananya dalam mencapai matlamat yang baik serta kajian yang sempurna.

:

Pada asasnya kajian ini merupakan kajian terhadap bahan-bahan bertulis, hasil fikiran dan hujah-hujah sarjana (*library research*) yang berbentuk deskriptif dan analitis. Data-data diperolehi daripada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti kitab-kitab Jawi, buku, jurnal, majalah, kertas-kertas kerja dan lain-lain sama ada dalam bahasa Arab, Melayu atau bahasa Inggeris.

Dalam menyempurnakan hasil penyelidikan ini, penulis telah menggunakan 3 metod utama iaitu:

- i. Metod Penentuan Subjek.
- ii. Metod Pengumpulan Data.
- iii. Metod Analisa Data.

1.5.1: Metod Penentuan Subjek

Subjek yang dimaksudkan ialah kelompok orang atau benda yang hendak dikaji atau diselidiki.¹⁰⁶ Lantaran itu, metod penentuan subjek yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana cara sesuatu perkara yang hendak dikaji itu ditentukan.

Merujuk kepada disertasi ini, penulis telah menentukan bidang kajian adalah Kitab Jawi. Namun demikian, memandangkan jumlah Kitab Jawi yang terlalu banyak dan aspek keilmuan yang terkandung di dalamnya terlalu luas, maka penulis telah memfokuskan kepada aspek tauhid sebagai subjek kajian.

Sebelum mengkaji lebih lanjut berkenaan dengan konsep ilmu tauhid yang terkandung dalam Kitab Jawi, penulis terlebih dahulu memaparkan sejarah penulisan dan perkembangan Kitab Jawi yang berlaku di Nusantara.

¹⁰⁶ Kenneth D. Bailey, **Kaedah Penyelidikan Sosial**, (terj.) Hashim Awang, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 121.

Sehubungan itu, perkara-perkara yang disentuh termasuklah tokoh-tokoh pengarang yang terlibat, kitab-kitab yang mereka karang serta aspek-aspek keilmuan yang dibahas oleh tokoh-tokoh tersebut melalui karya mereka dalam usaha mengembangkan ilmu Islam dan seterusnya memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam perkembangan penulisan Kitab Jawi di rantau ini.

Setelah itu penulis telah mengkaji mengenai kedudukan tauhid dalam Islam dan perkembangan awalannya. Kajian ini menumpukan kepada definisi tauhid, kepentingan tauhid dalam Islam dan perkembangannya sehingga lahirnya konsep Sifat Dua Puluh.

Penulis juga telah membuat kajian yang khusus mengenai Konsep Sifat Dua Puluh sebagaimana yang terkandung dalam Kitab Jawi. Seterusnya adalah kajian kepada konsep *afāl* Allah dan *afāl al-'ibād* sebagaimana yang dibincangkan dalam Kitab Jawi.

1.5.2: Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpul data, penulis telah mendapatkannya daripada beberapa sumber. Sumber-sumber tersebut kebanyakannya merupakan sumber primer. Penulis juga turut menggunakan data daripada sumber sekunder. Lantaran itu, diharapkan disertasi ini dapat dipertanggungjawabkan sebagai sebuah karya ilmiah.

Dalam mengumpul data-data, penulis telah menggunakan **metod historik** (pensejarahan) dan juga **metod dokumentasi**. Melalui metod historik, penulis berusaha memuatkan fakta-fakta sejarah yang berkaitan dengan kajian ini supaya ia dapat dimasukkan pada tempat-tempat yang sesuai. Metod ini digunakan dalam kebanyakan bab

Dalam bab pertama ia digunakan dalam sejarah penulisan Kitab Jawi yang meliputi pelbagai aspek keilmuan. Manakala dalam bab kedua pula ia digunakan untuk mengkaji sejarah perkembangan ilmu tauhid secara ringkas. Bab keempat pula melibatkan kajian terhadap sejarah fahaman tentang kebebasan manusia (*al-Tafwid*) dan keterpaksaan manusia (*al-Jabr*).

Sementara itu, Metod Dokumentasi membantu penulis bagi mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan rujukan berbentuk dokumen, buku-buku, kertas-kertas kerja serta jurnal-jurnal atau majalah. Al-Qur'an dan Hadis juga termasuk di dalam bentuk dokumen.

Oleh kerana penyelidikan ini merupakan kajian perpustakaan, maka metod ini merupakan metod terpenting yang digunakan hampir dalam kesemua bab. Penggunaannya merangkumi keseluruhan data yang berkaitan dengan landasan teori, iaitu yang berhubung kait dengan sejarah penulisan Kitab Jawi, kedudukan tauhid dalam Islam, bahan-bahan yang berkaitan dengan Sifat Dua Puluh serta aspek-aspek tauhid yang lain.

1.5.3: Metod Analisa Data

Dalam menganalisa data-data yang diperolehi, metod-metod yang telah digunakan ialah metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif. Yang dimaksudkan dengan **metod induktif** ialah, "pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang

bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.”¹⁰⁷ Metod ini telah digunakan oleh penulis pada semua bab dalam kajian ini.

Dalam bab pertama penulis membentangkan definisi bagi perkataan-perkataan daripada tajuk yang ditetapkan. Kemudian dirangkumkan pengertian-pengertian itu dalam bentuk umum dan menyeluruh. Seterusnya dibuat perumusan untuk masalah-masalah yang akan dikaji.

Bab kedua pula, ia digunakan bagi merumuskan tentang pengertian tauhid dalam Islam dan kedudukan tauhid dalam Islam itu sendiri. Berikutnya dalam bab yang sama, metod ini digunakan antaranya ketika membincangkan berkaitan dengan dua puluh sifat Allah (S.W.T.) dan pembahagiannya.

Sementara itu dalam bab yang ketiga, metod ini diterapkan dalam membuat rumusan berkenaan dengan konsep perbuatan-perbuatan Allah (S.W.T.) manakala dalam bab yang terakhir ia diaplikasikan semasa menghuraikan konsep *Qadā’* dan *Qadar*.

¹⁰⁷ Imam Barnadib, **op. cit.**, hlm. 52-53.

yang berkaitan dengan perbuatan-perbuatan hamba.

Namun begitu dalam analisis kajian, tidak semua karya ilmu tauhid dalam Kitab Jawi dikaji oleh penulis. Kajian hanya dibuat berdasarkan karya yang telah terbit di pasaran (tidak termasuk manuskrip-manuskrip), mudah didapati serta banyak digunakan dalam sistem pengajian pondok yang berjumlah lebih kurang empat puluh buah.

Metod deduktif pula ialah suatu cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada “pola berfikir yang mencari pembuktian yang berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.”¹⁰⁸

Metod ini banyak digunakan oleh penulis dalam menganalisa data-data mengenai dua puluh sifat Allah (S.W.T.) dalam bab kedua. Begitu juga dalam bab yang ketiga dan bab keempat ketika penulis menganalisa data-data berkaitan dengan konsep perbuatan-perbuatan Allah dan perbuatan-perbuatan hamba.

¹⁰⁸ *Ibid*, hal. 52